



OKTOBER 2017

CANANG

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Ahad, 01 Oktober 2017 - Gandingan dua orang pemain golf yang muncul juara di Kejohanan Golf Amatur Piala Audi Quattro Ke-8 anjuran TCY Motors Sdn bhd iaitu Awg Latif Ghariff dan Haji Mohd Som telah secara tidak langsung berjaya melayakkan diri menyertai peringkat akhir dunia di Mexico yang akan bermula pada 1-5 Disember 2017 di Quivira Golf Club Los Cabos. Kejohanan Golf Amatur Piala Audi Quattro Ke-8 berlangsung di Kelab Golf Diraja Brunei Jerudong. Lebih 90 pasukan menyertai kejohanan tersebut. Kejohanan telah berjaya mengutip sebanyak \$22,000 yang disalurkan kepada Badan Dana Hal Ehwal Kebangsaan di bawah JAPEM. Hadiah-hadiah kejohanan serta cek sumbangan disampaikan oleh YB Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Selasa, 03 Oktober 2017

YB Pehin Menteri KKBS menerima kunjungan daripada Kolonel (B) Hj Nasir bin Hj Momin bagi membincangkan mengenai dengan persiapan Majlis Khatam AL-Quran sempena Jubli Emas KDYMM. Pada hari yang sama Pehin Menteri KKBS juga menerima kunjungan daripada Kolonel Zahrin bin Hj Junaidi perjumpaan berkenaan berlangsung di Pejabat Menteri KKBS.



YB Menteri KKBS bersama Kol (B) Hj Nasir bin Hj Momin



YB Menteri KKBS bersama Kol Zahrin bin Hj Junaidi

Rabu, 04 Oktober 2017

Lord George Philip Nicolas Windsor, Earl of St. Andrews membuat lawatan ke KKBS bahagian Kebudayaan dan Kesenian. Beliau di alu-alukan oleh SUT KKBS dan Pmk. Pengarah BKK. Semasa lawatan berkenaan beliau telah diberikan taklimat, pertunjukkan perkahwinan Brunei dan pameran mengenai kebudayaan Brunei.



Jumaat, 06 Oktober 2017– Royal Regalia yang menjadi mercu tanda 50 tahun ASEAN bagi Negara Brunei Darussalam menerima kunjungan daripada pembesar-pembesar negara secara berasingan. Rombongan pertama ialah DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail, Raja Muda Perlis dan Keluarga. Selepas itu lawatan daripada Her Excellency Mrs. Sichanh Viphavanh, Isteri Vice President of LAO PDR. Di sebelah petang pula lawatan daripada Her Excellency Dang Thi Ngoc Thinh, Vice President of Vietnam. Lawatan-lawatan berkenaan di alu-alukan oleh YM SUT KKBS dan diberikan taklimat oleh Pegawai Muzium.



DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Keluarga



Mrs. Sichanh Viphavanh dan rombongan



Her Excellency Mrs. Dang Thai Ngoc Thinh

Isnin, 07 Oktober 2017

Royal Regalia salah sebuah tempat menarik bagi Negara Brunei Darussalam telah menjadi tempat kunjungan His Highness Sayyid Assad bin Tariq Al Said, Timbal Menteri bagi Perhubungan Antarabangsa dan Hal Ehwal Kerjasama bagi Negara Kesultanan Oman. Semasa lawatan berkenaan His Highness Sayid Assad dialu-alukan oleh Datin Paduka Dr Hj Norlila, SUT KKBS dan Pegawai Muzium Dyg Mariani binti Hj Abu Bakar yang sekaligus mengiring dan memberikan taklimat mengenai dengan pameran di Royal Regalia.



Ahad, 08 OKtober 2017

Hujan yang renyai-renyai sama sekali tidak mematahkan semangat para peserta menyertai acara Kayuhan Jubli Emas KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien Bandar. Seri Begawan. Acara yang mengabungkan aspek cara hidup sihat dan rekreasi bertujuan untuk membentuk budaya sukan berbasikal dan menguatkan lagi perpaduan masyarakat. Acara disertai oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja. Keberangkatan Baginda mencerminkan hubungan yang erat di antara raja dan rakyat. KDYMM mendahului riadah berbasikal mengelilingi Bandar Seri Begawan sejauh 11.5 km. Baginda kemudiannya berkenan menyaksikan perbarisan lalu daripada 50 orang pekayuh basikal dari keempat daerah yang berjaya mengelilingi jarak 50km yang berlepas pada 6.30 pagi. Perlepasan 50 pekayuh basikal berkenaan telah disempurnakan oleh YB Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral [B] Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Hajo Mohd Yussof, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sejak kebelakangan ini sukan riadah berbasikal ini sudah menjadi trend dan menjadi aktiviti mengisi masa lapang dan untuk kesihatan. Penyertaan semakin ramai dan bukan sahaja daripada golongan dewasa malahan juga kanak-kanak kecil. Oleh kerana sukan riadah berbasikal ini semakin digemari ramai maka pihak-pihak kerajaan dan NGO harus sentiasa berusaha untuk menganjurkan acara-acara seumpama ini untuk menjadikan satu platform bagi orang ramai berkumpul dan dan ikut dalam pelbagai aktiviti-aktiviti beriadah atau aktiviti keagamaan dan sosial. Acara dianjurkan bersama oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan.



Ahad, 08 Oktober 2017

Seramai 91 peserta telah menyertai Cabaran Berbasikal Bukit P.S.I 2017 yang mempertandingkan sebanyak 7 kategori diadakan di Bukit Ambog, Sungai Basong, Daerah Tutong. Johan bagi kategori yang dipertandingkan telah menerima hadiah yang disampaikan oleh YB Pehin Menteri KKBS selaku tetamu kehormat majlis. Kejohanan bertujuan memberikan pendedahan kepada para peserta dan menggalakkan masyarakat kepada gaya hidup sihat disamping memeriahkan sambutan Jubli Emas KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menaiki takhta.



Isnin, 09 Oktober 2017

Pembukaan rasmi Kejohanan Cabaran Undangan Grand Borneo berlangsung di Stadium Tetutup KSNHB, Berakas dan dirasmikan oleh YB Pehin Menteri KKBS. Kejohanan tersebut bersempena sambutan Jubli Emas KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan bertujuan bagi meningkatkan bakat pemain bola keranjang tanahair dan menaikkan nama negara melalui sukan berkenaan.

Isnin, 09 Oktober 2017 - Rehearsal Pesembahan Kebudayaan sempena Sambutan Jubli Emas KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menaiki takhta berlangsung di Dewan Digadong KKBS. Hadir bagi menyaksikan raptai berkenaan ialah YB Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, YB Pehin Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, YB Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Tujuan raptai berkenaan adalah untuk melihat kesesuaian dan mengenalpasti perkara-perkara yang perlu ditambah atau dikurangkan dalam persembahan tersebut.




Rabu, 11 Oktober, 2017

Sukan untuk semua dan sukan untuk prestasi tinggi hendaklah dibangunkan serentak dengan penekanan yang berbeza. Sukan untuk semua yang berteraskan budaya penyertaan bertujuan untuk membolehkan rakyat melibatkan diri dengan aktiviti fizikal sebagai amalan gaya hidup yang aktif. Sukan prestasi tinggi yang berteraskan kepada budaya pencapaian pula berperanan untuk mencapai kecemerlangan pada pertandingan sukan. Kenyataan tersebut disuarakan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama Pehin Orang Kaya Seri Pahlawan Kolonel (B) Dato Paduka Haji Abdu'r Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir, Ketua delegasi Negara Brunei Darussalam pada Mesyuarat ASEAN Ministerial Meeting on Sports Ke-4 bagi mewakili Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pelan Tindakan Sukan 2016 - 2020 itu perlu menjalani semakan berkala agar ia dinamik, bersesuaian dengan kaedah, pemikiran dan teknologi terkini selaras dengan perkembangan dan keperluan sukan di rantau ini mahupun di persada antarabangsa. Bagi mengukuhkan lagi pencapaian rangka kerja berkenaan, penglibatan masyarakat secara menyeluruh adalah landasan utama membudayakan sukan. Usaha untuk membudayakan sukan dalam kalangan masyarakat perlu dimulakan pada peringkat usia muda. Pendekatan melalui aktiviti sukan dan pendidikan jasmani di sekolah perlu dipertingkatkan untuk mengenal pasti bakat-bakat muda yang berpotensi.



Sabtu, 14 Oktober, 2017

Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara kali ke-8 2017 berlangsung di bangunan KKBS. Mesyuarat dipengerusikan oleh YB Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi JK Tertinggi Musabaqah berkenaan. Diantara agenda mesyuarat ialah laporan daripada JK Kerja Urus Setia dan perkara-perkara yang berbangkit ke arah persiapan dan pelaksanaan musabaqah. Hadir sama ialah Dato Paduka Hj Mohd Roselan bin Hj Mohd Daud, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Dato Paduka Hj Mokti bin Hj Mohd Daud, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, SUT-SUT KKBS, Timbalan SUT KHEU dan ahli JK Tertinggi yang lain.



Isnin, 16 Oktober 2017 - Seramai 29 orang peserta Program Kapal Belia Asia Tenggara Brunei Darussalam yang akan menyertai Program SSEAYP ke-44, 2017 telah mengadakan prebiu persembahan kebudayaan bertempat di Dewan Digadong KKBS. Hadir bagi menyaksikan prebiu berkenaan ialah YB Pehin Menteri KKBS, SUT dan pegawai-pegawai kanan KKBS. Persembahan Kebudayaan tersebut adalah diantara aktiviti yang akan dipersembahkan nanti semasa mengikuti program berkenaan. Mereka yang terpilih ini secara tidak langsung akan menjadi duta kecil tidak rasmi Negara Brunei Darussalam dan mereka perlu menjaga nama baik negara disamping itu memperkenalkan Negara Brunei Darussalam melalui perbincangan, aktiviti dan persembahan kebudayaan. Program ini akan berlangsung lebih sebulan dan para peserta akan mengikuti program-program yang telah diaturkan.



Isnin, 16 Oktober 2017 – “Banyak kemajuan telah dicapai dalam pelbagai bidang kerana terjalinnya hubungan yang erat antara Negara Brunei Darussalam dengan Persekutuan Russia. Persahabatan dan kerjasama yang kukuh dan berkembang dalam tahun-tahun kebelakangan ini dan ditambah lagi dengan pertukaran lawatan samada secara rasmi atau tidak rasmi mampu memperkukuhkan lagi hubungan dua hala kedua-dua buah negara.” Demikian yang dinyatakan oleh TYT Vladlen Stanislavovich Semivolos semasa majlis resepsi sempena Hari Kebangsaan Persekutuan Rusia berlangsung di Hotel Rizqun Gadong. Hadir bagi mewakili Negara Brunei Darussalam ialah YB Pehin Datu Lailaraja Majer Jeneral [B] Dato Paduka Seri Hj Awg Halbi bin Hj Mohd Yussof, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Datin.



Khamis, 19 Oktober 2017 “Para peserta Negara Brunei Darussalam yang akan menyertai Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara [SSEAYP] ke-44, 2017 agar dapat mempromosikan Negara Brunei Darussalam dan dapat memberikan informasi yang tepat selaku duta kecil negara. Tingkah laku, tutur kata hendaklah dijaga kerana ianya akan mencerminkan kebudayaan dan keperibadian orang-orang Brunei yang kaya dengan adat resam dan budi pekerti yang mulia. Para peserta perlu membekalkan diri dengan ilmu pengetahuan yang meluas mengenai negara sendiri untuk dikongsi sama dengan rakan peserta dari negara-negara lain.” Demikian saranan YB Pehin Menteri KKBS semasa Majlis Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam kepada Ketua Kontinjen Negara bertempat di bilik VIP Stadium Negara Hassanal Bolkhiah.



Isnin, 23 Oktober 2017- Larian Queen's Baton yang membawa simbol dan mesej keamanan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II, Queen of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland kepada semua atlet di negara-negara dan wilayah Komanwel agar bersatu dalam persaingan muhibbah pada kejohanan tersebut selaras dengan nilai-nilai serta tema Hari Komanwel telah berada di Negara Brunei Darussalam setelah memulakan perjalanan dari Istana Buckingham semasa Hari Komanwel pada 13 April 2017 yang lalu dan akan tiba di Australia bagi Majlis Pembukaan Rasmi Sukan Komanwel Gold Coast pada 4 April 2018. Majlis Resepsi bagi mengalu-alukan Queen's Baton sempena Sukan Komanwel 2018 telah diadakan di kediaman rasmi Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Jalan Kota Batu. Majlis dihadiri oleh YB Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Sambungan - Dalam ucapan alu-aluan Pesuruhjaya Tinggi Australia ke negara ini, Puan Yang Terutama Nicola Rosenblum berkata, Queen's Baton telah tiba di negara ini pada saat yang bersejarah di mana Negara Brunei Darussalam sedang merayakan Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta. Semasa berada di Negara Brunei Darussalam larian tersebut dijangka akan melintasi jalan-jalan di sekitar Bandar Seri Begawan iaitu dengan merentasi Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha bagi meneruskan perjalanan melalui Kampong Ayer menggunakan kayak dan bot menyeberangi Sungai Brunei menuju Taman Mahkota Jubli Emas dengan penglibatan pelbagai disiplin sukan termasuk pelari, pelumba basikal dan juga penggiat sukan kayak, pegawai-pegawai kerajaan, guru-guru serta penuntut-penuntut sekolah, para belia dan juga diplomat asing pada larian berkenaan.

Selasa, 24 Oktober 2017 - Negara Brunei Darussalam adalah sebagai negara ke-55 diberi penghormatan menjadi tuan rumah dan melaksanakan Larian Queen's Baton Relay 2018. Larian berkenaan telah mengelilingi Bandar Seri Begawan sejauh 12 kilometer dan acara bermula dengan YB Pehin Menteri KKBS menerima baton daripada wakil pasukan Queen's Baton Relay, Kerry Thompson dan kemudiannya membawanya berlari menuju ke tempat penamat larian seterusnya. Larian baton diteruskan oleh para atlet negara dari pelbagai disiplin, pegawai-pegawai kerajaan, para belia dan diplomat asing melalui Jambatan RIPAS, Kampong Air, Taman Mahkota Jubli Emas dan berakhir di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei. Pelari terakhir membawa baton berkenaan ke tempat penamat ialah Dyg Nur Uzma Khadijah binti Ibrahim, pemenang pingat perak dalam acara bergu sukan Boling Padang di Sukan SEA ke-29, Kuala Lumpur yang kemudiannya menyerahkan baton tersebut kepada YB Pehin Menteri KKBS yang seterusnya menyerahkan baton berkenaan kepada TYT Lim Hong Huai, Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Negara Brunei Darussalam iaitu negara destinasi seterusnya bagi Larian Baton yang dalam perjalanan selama 338 hari di 70 buah negara Komanwel dan melalui jarak perjalanan kira-kira 230,000 kilometer. Larian Baton Sukan Komanwel akan berakhir di negara Australia dan majlis perasmian sukan berkenaan akan berlangsung di Gold Coast, Australia pada 4 April 2018.



Selasa, 24 Oktober 2017 - Kunjungan daripada Datin Dr. Hjh Anita Binurul Zahrina, binti POKLWDSS Hj Abdul Aziz, Vice Chancellor of UBD dan diikuti selepas itu dengan kunjungan perpisahan daripada PYT Nurul Qomar, Duta Besar Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam yang menamatkan tugas setelah beberapa tahun berada di Negara Brunei Darussalam.



Khmais, 26 Oktober 2017

Ekspo Brunei Fitness & Healthy Living (Bru.X.Fit) kali kedua anjuran BruXFit Management Services untuk mempromosikan gaya hidup sihat dan gaya hidup bersukan kepada komuniti masa kini bagi menggalakkan orang ramai untuk bersukan dan melakukan aktiviti sihat dalam rutin seharian telah disempurnakan perasmianya oleh YB Pehin Menteri KKBS bertempat di Airport Mall. Tahun ini, Bru.X.Fit 2017 menampilkan trend kecergasan semasa dan produk-produk kesihatan, program serta pakej daripada peralatan sukan dan pakaian, makanan dan nutrisi, suplemen, perkhidmatan kesihatan dan sebagainya yang menyediakan 14 buah pondok dari syarikat tempatan. Antara yang menyertai ekspo tersebut adalah Brunei Calisthenics, Fitness Zone, Poni Divers, Muay Thai Fitness, Capoeira Brunei, Up Climbing Centre and Rhythm Movements serta wakil-wakil Gleneagles JPMC yang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan secara percuma kepada orang ramai yang ingin mengetahui peringkat kesihatan mereka. Bru.X.Fit 2017 ini turut disokong oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Lembaga Pelancongan Brunei, Fitness Zone dan Poni Divers. Sepanjang ekspo berkenaan juga akan diadakan promosi makanan sihat dan demonstrasi penyediaan makanan harian, aktiviti Muay Thai, demo powerlifting, sesi Spinning, Up Climbing Gym, Rock Climbing serta Cube Junction.



Ahad, 29 Oktober 2017 - Penyampaian hadiah bagi Kejohanan Golf Amal 2017 anjuran Kelab Golf Pantai Menteri telah disempurnakan oleh YB Pehin Menteri KKBS. Kejohanan diadakan bersempena sambutan Jubli Emas KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Muncul juara keseluruhan ialah Ahmad Yani Hj Mohd Noor. Memenangkan bahagian pukulan Nett keseluruhan ialah Qawim Hj Aslimon. Manakala muncul juara divisyen A ialah Aritz Maldani dan Ali Yassin muncul juara divisyen B. Divisyen C dijuarai oleh Hj Jafar Ali Hj Osman. Semantara itu juara divisyen seniour ialah Pg Hj Kamarulzaman dan juara divisyen wanita ialah Agnes Hiu. Di acara tersebut juga menyaksikan penyerahan cek sumbangan kepada Yayasan Kanser Brunei Darussalam.



Selasa, 31 Oktober 2017 - Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi HK ke-34, 2018 telah berlansung di Dewan Digadong KKBS dan dipengerusikan oleh YB Pehin Menteri KKBS.

Sambungan

Dalam mesyuarat tersebut Yang Berhormat Pehin Menteri KKB S memperingatkan bahawa hari kebangsaan adalah merupakan hari yang sangat agong dan istimewa bagi sesebuah negara. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja dan negara zikir, sambutan hari kebangsaan dilihat



sebagai hari yang penuh keberkatan lagi bermakna, melakar sejarah dan ristaan, yang telah dapat mengumpulkan seluruh lapisan penduduk dan masyarakat di upacara perhimpunan agung dan sama-sama menzahirkan taat setia yang tidak berbelah bahagi Kepada Majlis KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mencerminkan perpaduan dan ketahanan nasional yang jitu. Komposisi peserta dalam perbarisan dan persembahan upacara perhimpunan agung itu amat mustahak diambil perhatian dengan menitik-beratkan penyertaan belia-belia untuk memperlihatkan keaktifan dan keterlibatan serta inovasi mereka sebagai generasi golongan harapan membawa negara terus ke mercu kegemilangan. YB Pehin turut menyentuh mengenai acara-acara yang disempenakan dengan sambutan ulang tahun hari kebangsaan perlu menghadapkan permohonan terlebih dahulu kepada Jawatankuasa Tertinggi untuk kebenaran dan memastikan kesesuaiannya dan tempoh untuk mengadakannya hendaklah dalam lingkungan tiga (3) bulan dari tarikh hari kebangsaan (23 Februari hingga 22 Mei). Manakala bagi acara-acara yang diadakan selepas tempoh berkenaan (selepas 22 Mei) tidak perlu mendapatkan kebenaran jawatankuasa tertinggi adalah memadai dimaklumkan sahaja kepada pihak urus setia dan acara berkenaan diistilahkan sebagai mendukung tema sambutan. Agenda mesyuarat termasuk membincangkan mengenai Tema dan Logo Sambutan, Upacara Menaikkan dan Menurunkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam, Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja, Majlis Doa Kesyukuran, Tarikh dan Konsep Upacara Perhimpunan Agung, Acara yang disempenakan dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan dan Peruntukan.

Tim Penerbitan Haji Esa bin Kula, Jeffree Haji Kassim **Penyunting & Penyemak** Haji Esa bin Kula, Jeffee Haji Kassim **Perwajahan dan Aturhuruf** Haji Esa bin Kula **Jurufoto** Hajah Ajjiah binti Haji Ali, Pg Suhaimi bin Pg Haji Othman, Haji Norfaisal bin Haji Mohd Salleh